

Headline	Salleh Majid hasrat buka Bursa Islam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	324,097
Page No	27	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,973



Salleh Majid hasrat buka Bursa Islam

BEKAS Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (kini Bursa Malaysia) Datuk Mohd Salleh Abdul Majid yang meninggal dunia semalam, difahamkan sedang mengusahakan satu cadangan untuk diusulkan kepada kerajaan bagi mewujudkan sebuah Bursa Saham Islam di negara ini.

Bagaimanapun, usaha Allahyarham bersama rakan di sebuah syarikat perunding kewangan tidak kesampaian apabila meninggal dunia akibat barah rektum dan kegagalan buah pinggang jam 10.20 pagi di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Mohd Salleh, 62, me-

namatkan perkhidmatan dalam sektor awam kira-kira enam tahun lalu sebelum memulakan karier sebagai Pengurus, Udasaha Management Sdn Bhd, sebuah anak syarikat UDA.- Bernama



Info

- Berkelulusan Master of Business Administration dari Northern Illinois University, Amerika Syarikat sekitar 1971
- Memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di Sekolah Perniagaan dan Pengurusan, Institut Teknologi Mara.